



Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Ahli Dewan Negeri,
Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI MESYUARAT
MAJLIS KERAJAAN NEGERI DAN AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR**

**PELUASAN PENGGUNAAN SECARA SEMENTARA BAGI
PERKARA 6 (IV) PROGRAM DAN AKTIVITI MESRA RAKYAT**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini adalah bertujuan untuk meminda dan memaklumkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Speaker, Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor, dan Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal mengenai **Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6 (iv) Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2019 - Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor.**

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2019 (PPNS Bil.1/2019) berhubung Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor yang berkuat kuasa pada 27 Februari 2019 telah menggariskan penggunaan peruntukan tahunan bagi AMMKN, Speaker, ADN, Pegawai Penyelaras dan ADN Bukan Kerajaan.
- 2.2 Malaysia sedang dilanda wabak Koronavirus 2019 (COVID-19) dan akibat penularan wabak tersebut, pertumbuhan ekonomi negara juga terjejas dan memberi kesan kepada pendapatan dan aktiviti ekonomi ramai rakyat Negeri Selangor.
- 2.3 Lantaran itu, bagi memberi sokongan tambahan kepada golongan yang terjejas, Pihak Berkuasa Negeri telah menimbang dan meluluskan kenaikan kadar peruntukan bagi Program/ Aktiviti Mesra Rakyat dari RM20,000.00 kepada RM30,000.00 bagi setiap program/ aktiviti **bagi tahun 2020**.

3. PELUASAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- 3.1 Program/ Aktiviti Mesra Rakyat yang melibatkan perolehan bekalan/ keperluan asas iaitu beras, minyak masak, tepung, susu, gula, garam dan makanan dalam tin boleh dilaksanakan secara **pembelian terus** dengan had nilai **tidak melebihi RM30,000.00 bagi setiap program/ aktiviti. Pengecualian kaedah perolehan ini berkuatkuasa** dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan sehingga **31 Mei 2020 sahaja**.

- 3.2 Ini bagi membantu pihak ADN menyediakan keperluan asas kepada penduduk kawasan masing-masing dalam menghadapi suasana yang semakin mencabar akibat penularan wabak COVID-19.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan sehingga **31 Disember 2020** dan hendaklah dibaca bersama-sama PPNS Bil.1/2019 serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NOR AZMIE DIRON) D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: **17** Mac 2020

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)